



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Selangor
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Wisma Tenaga Nasional Berhad
No.18, Seksyen 8, Jalan Rasathurai
44000 Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03 6065 1100
Faks : 03 6064 1424
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : PPDHS.100-12/5/4Jld.2(48)
Tarikh : 16 Julai 2020

En. Adillah bin Abu Samah

Ketua Pegawai Eksekutif
Xused Worldwide Solutions Sdn. Bhd.
2-19-01 Worldwide @ 7
Jalan Lazuardi 7/29, Seksyen 7
40000 Shah Alam
Selangor

Tuan,

KEBENARAN MELAKSANAKAN TAKLIMAT BERSAMA SEKOLAH DAN CADANGAN PENGGUNAAN APLIKASI ME12PAY UNTUK REKOD KEHADIRAN DAN SARINGAN SUHU PELAJAR DAN GURU SECARA DIGITAL DALAM PEMATUHAN GARIS PANDUAN (SOP) PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH (TANPA KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH)

Dengan segala hormat dan sukacitanya perkara di atas dirujuki dan surat kelulusan daripada Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor bernombor rujukan : **JPNS.SPD. 600-11/2/2 Jld.13 (74)** bertarikh **14 Julai 2020** adalah berkaitan.

2. Pihak Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Selangor (PPDHS) **sedia maklum dan tiada halangan** untuk memberikan kebenaran kepada pihak tuan bagi melaksanakan program / aktiviti seperti yang dinyatakan di dalam surat permohonan tuan kepada kami. Sayugia diingatkan, pihak tuan perlu mendapatkan **kebenaran atau persetujuan Pengetua dan Guru Besar sekolah yang terlibat terlebih dahulu** sebelum melaksanakan aktiviti / program tersebut. Pihak sekolah berhak **mempertimbangkan permohonan tuan samada untuk menerima atau menolak permohonan.**

3. Bagi tujuan pelaksanaan program tersebut, pihak tuan diminta mematuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan di bawah:

- 3.1 Semua permohonan yang melibatkan warga sekolah dalam apa jua bentuk program anjuran agensi kerajaan di bawah kementerian lain hendaklah melalui Ketua Pendaftar, Kementerian Pendidikan Malaysia,
- 3.2 Aktiviti yang disertai oleh warga sekolah dan melibatkan orang kenamaan (jika ada) di majlis tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia,
- 3.3 Tiada unsur paksaan dari mana-mana pihak kepada Pengetua / Guru Besar, guru-guru dan murid-murid bagi menyertai program tersebut,
- 3.4 Penyertaan murid-murid adalah dengan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga,
- 3.5 Penyertaan guru-guru dan murid-murid hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran,
- 3.6 Pihak tuan bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan guru-guru dan murid-murid yang terlibat dalam program yang dilaksanakan,

Kami Mengamalkan Sistem Pengurusan
Berkualiti Berasaskan MS ISO 9001:2015



KEBENARAN MELAKSANAKAN TAKLIMAT BERSAMA SEKOLAH DAN CADANGAN PENGGUNAAN APLIKASI ME12PAY UNTUK REKOD KEHADIRAN DAN SARINGAN SUHU PELAJAR DAN GURU SECARA DIGITAL DALAM PEMATUHAN GARIS PANDUAN (SOP) PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH (TANPA KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH)

3.7 Segala perbelanjaan dan kewangan adalah di bawah tanggungjawab dan pengurusan pihak tuan. Pihak tuan tidak boleh membuat sebarang tuntutan berbentuk kewangan kepada pihak Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Selangor, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Kementerian Pendidikan Malaysia,

3.8 Pekeliling berikut perlu dipatuhi oleh pihak tuan :

3.8.1 SPI Bil. 9/2004 - Panduan Penglibatan Murid-murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

3.8.2 SPI Bil. 9/2000 - Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Kegiatan Kokurikulum dan Sukan Di Dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah.

4. Surat kebenaran / kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak. Kelulusan ini hanya untuk tujuan bagi perkara yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh **31 Disember 2020**.

Semoga program yang dilaksanakan akan memberi impak yang positif kepada warga pendidikan.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menandatangani amanah,



(ROZMAN BIN BAHARUDIN)

Timbalan PPD Sektor Perancangan
b/p Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Selangor.

s.k 1. Fail Timbul